

## Bab 5

### Peranan Orang Cina dalam Politik Selatan Vietnam

#### Pendahuluan

Kebanyakan orang Cina yang berhijrah ke selatan Vietnam pada abad ke-17 merupakan bekas pegawai istana dan tentera dinasti Ming, China. Golongan Cina yang mempunyai pengalaman dalam pentadbiran negara telah dilantik oleh kerajaan Nguyen untuk berkhidmat dalam pentadbiran selatan Vietnam. Hal ini menunjukkan amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh para pemerintah Nguyen kepada orang Cina yang berkelayakan.

Memandangkan ramai juga tentera Cina berhijrah ke selatan Vietnam, kerajaan Nguyen telah menganggap mereka sebagai sumber tenaga tentera yang boleh membantu kerajaan selatan Vietnam untuk menentang kerajaan Trinh di utara Vietnam serta untuk meluaskan tanah jajahannya ke selatan Vietnam. Bab ini membincangkan peranan orang Cina dalam politik di selatan Vietnam.

#### Pelarian Politik Cina di Selatan Vietnam

Selepas kejatuhan kerajaan dinasti Ming di China pada tahun 1644, ramai bekas pegawai setia dinasti Ming telah melarikan diri ke selatan Vietnam kerana enggan berkhidmat kepada kerajaan Qing. Apabila mereka sampai di Quang Nam, selatan Vietnam, mereka memberitahu kerajaan Nguyen bahawa mereka sanggup berkhidmat kepada kerajaan Nguyen. Memandangkan mereka ini berpengalaman dalam sistem pentadbir serta

tahu tentang kehidupan dan kebudayaan Vietnam, maka sebilangan orang Cina dinasti Ming telah dilantik untuk memegang jawatan pentadbiran.

Terdapat seorang sarjana Cina yang terkenal di Bien Hoa (1765-1825) bernama Trinh Hoai Duc. Beliau dilahirkan pada tahun 1765 di Bien Hoa dan merupakan generasi ketiga keluarga Trinh yang tinggal di selatan Vietnam. Datuk beliau yang bernama Trinh Hoi merupakan pegawai istana dinasti Ming. Apabila dinasti Ming digulingkan oleh dinasti Qing, kerajaan Qing memaksa pegawai-pegawai istana dinasti Ming dan rakyat biasa perlu mengikuti beberapa adat resam yang ditetapkan oleh kerajaan Qing. Misalnya, setiap pegawai kerajaan Qing perlu menyimpan tocang. Peraturan tersebut enggan dipatuhi oleh kebanyakan bekas pegawai dinasti Ming. Sebahagian daripada bekas pegawai dinasti Ming bangun menentang peraturan tersebut. Manakala sebahagian lagi melarikan diri ke negara lain untuk mengelakkan penindasan kerajaan Qing. Pada waktu itu, Trinh Hoi yang merupakan pengikut setia dinasti Ming telah membawa ahli keluarga beliau berhijrah ke Bien Hoa yang terletak di selatan Vietnam untuk memulakan kehidupan baru.<sup>1</sup>

Bapa Trinh Hoai Duc iaitu Trinh Khanh merupakan seorang yang berpengetahuan luas dan berbakat. Beliau dihormati oleh masyarakat tempatan. Kebijaksanaan Trinh Khanh telah menarik perhatian kerajaan Nguyen. Justeru itu, beliau dilantik oleh pemerintah Nguyen sebagai gabenor di pelabuhan Qui Nhon (Binh Dinh). Beliau bertanggungjawab terhadap pemeriksaan kapal-kapal dagang dari China dan negara lain yang masuk ke

---

<sup>1</sup>潘安, 越南南部华人文化考究 (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 50. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

pelabuhan Qui Nhon untuk pertukaran barang dagang. Semasa Trinh Hoai Duc berumur sepuluh tahun, bapa beliau meninggal dunia.<sup>2</sup>

Semasa berlakunya perebutan kuasa di antara Tay Son dengan pemerintah Nguyen pada tahun 1771, hal ini telah menyebabkan keadaan politik di Vietnam Tengah menjadi tidak stabil. Kerana sebab ini, Trinh Hoai Duc bersama emaknya kembali ke Bien Hoa untuk meneruskan kehidupan mereka. Selepas itu, mereka berhijrah ke Gia Dinh iaitu kawasan yang berdekatan dengan Cholon-Saigon. Di sini, terdapatnya komuniti *Minh Huong*. Pada tahun 1788, selepas Nguyen Anh berjaya merampas balik kawasan Gia Dinh, Trinh Hoai Duc dilantik sebagai *Han Lin Zhi Gao* 翰林制诰. Pada tahun kedua, Trinh Hoai Duc dilantik sebagai *Tian Jun Guan* 田俊官(pegawai *Tian Jun*) di daerah Tran Bien untuk meneroka dan membangunkan dataran Mekong. Setahun kemudian, beliau dinaikan pangkat menjadi pegawai Khanh Hoa dan Phu An.<sup>3</sup> Pada tahun 1794, Trinh Hoai Duc balik semula ke Mytho dan bertugas di jabatan rekod. Trinh Hoai Duc meninggal dunia pada tahun 1825 dan dikebumikan di Bien Hoa. Makam beliau masih dipelihara dengan baik sehingga kini. Isteri Trinh Hoai Duc juga dikebumikan di sebelah makam Trinh Hoai Duc.<sup>4</sup>

Orang Cina di Thuan Hoa dan Quang Nam telah memainkan peranan penting dalam politik kerajaan Nguyen di selatan Vietnam. Apabila meninjau asal usul pemerintah Nguyen, penulisan *Qing Chao Wen Xian Tong Kao* (Kajian Dokumentasi Dinasti Qing) ada menyatakan bahawa pada zaman silam, *Guangnan Guo* juga dikenali sebagai *Jiaonan* di mana rajanya adalah seorang Cina yang mempunyai nama keluarga Ruan (Nguyen).

---

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup>Ibid., hlm. 50-51.

<sup>4</sup> Makam Trinh Hoai Duc di Bien Hoa, selatan Vietnam.

Manakala *Yue Nan Ji Lue* yang dikarang oleh keturunan Nguyen ada menyatakan bahawa keturunan mereka adalah orang Hokkien dari wilayah Fujian. Sementara *Sui Chu Tang Wen Ji* mencatat bahawa ketuanya bernama Ruan (Nguyen), keturunan mereka adalah berasal dari wilayah Guangzhou.

Berdasarkan maklumat di atas, boleh dikatakan bahawa nenek moyang Nguyen adalah orang Hokkien atau Kantonis dan kenyataan ini adalah berasas. Dalam surat yang ditulis oleh Da Shan kepada pemerintah Nguyen Phuc Chu sebelum beliau pulang ke negara China, beliau memberitahu pemerintah Nguyen Phuc Chu agar tidak keliru tentang asal usulnya iaitu nenek moyang beliau ialah orang Cina. Da Shan mengatakan bahawa berdasarkan sepuluh perkataan yang dicatat pada makam nenek-moyang Nguyen iaitu “*Xi Ri Zhong Hua Seng Jin Zhao Nan Guo*”<sup>5</sup> 昔日中华僧今朝南国 (nenek moyang saya adalah orang Cina, tuan kepada negara selatan pada hari ini).<sup>5</sup> Maka dapat dikatakan bahawa pemerintah Nguyen berketurunan Cina. Didapati bahawa pemerintah Nguyen Phuc Chu telah mengetahui bahawa nenek moyangnya adalah orang Cina. Dikatakan bahawa nenek moyang Nguyen telah datang ke istana Tonkin di utara Vietnam semasa dinasti Ming (1368-1644) di China di mana Tonkin merupakan sebahagian daripada empayar China di antara tahun 1406 dan 1427.<sup>6</sup> Justeru itu, boleh dikatakan bahawa pengasas kerajaan Nguyen di selatan Vietnam adalah orang Cina. Maka adalah tidak hairan mengapa para pemerintah Nguyen di selatan Vietnam menyambut kedatangan imigran Cina yang berhijrah ke selatan Vietnam selepas kejatuhan kerajaan dinasti Ming pada tahun 1644.

---

<sup>5</sup> 大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷三, 北京: 中华书局, 2000, hlm.73 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi*, Vol.3,(Rekod Sejarah Seberang Laut), Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.73).

<sup>6</sup> Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992,hlm.170.

Oleh yang demikian, walaupun kerajaan dinasti Ming dan Nan Ming (南明) telah digulingkan oleh kerajaan Qing pada tahun 1644 dan tahun 1661, para pemerintah Nguyen tetap menganggap China sebagai *Da Ming* (Grand Ming). Malah menurut Da Shan yang melawat Thuan Hoa di antara Ogos 1694 hingga Nivember 1695 telah mengatakan bahawa dalam dialek tempatan, negara China dipanggil sebagai *Da Ming* (*Zhi Fang Yan Zhong Hoa, Jie Cheng Da Ming* 至方言中华, 皆称大明).<sup>7</sup> Ini bermaksud orang Cina di Thuan Hoa masih memanggil negara China sebagai *Da Ming*. Malah P. Poivre yang sampai di Thuan Hoa pada tahun 1749 menyatakan bahawa orang Cina di Cochinchina (selatan Vietnam) memanggil empayar China sebagai *Daiminh* (Da Minh).<sup>8</sup>

Orang Cina memainkan peranan penting untuk membantu para pemerintah Nguyen untuk membentuk kerajaan Nguyen yang kuat dan kukuh di selatan Vietnam. Menurut sumber sejarah Vietnam, terdapat ramalan bahawa “generasi kesembilan Nam Ha akan kembali ke ibu kota” (*The ninth generation of Nam Ha will return to the central capital*), sebagaimana yang telah dibuat oleh golongan mandarin kerajaan Nguyen untuk meminta pemerintah Nguyen Phuc Khoat (1738-1765) mengisytiharkan diri sebagai *Vuong* (King) dan mengabaikan penggunaan gelaran *Chua* (Lord) sebagaimana yang telah digunakan oleh para pemerintah Nguyen sejak pemerintah Nguyen Hoang (*Chua Tien*) pada tahun 1558. Maka pada tahun 1744, pemerintah Nguyen Phuc Khoat mula menggunakan gelaran *Vuong* (Raja).<sup>9</sup>

<sup>7</sup> 大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷二, 北京: 中华书局, 2000, hlm.46 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi*, (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol. 2, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.46).

<sup>8</sup> Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992, hlm.170.

<sup>9</sup> Ibid.

Berkaitan dengan hubungan politik dengan negara China, pada tahun 1702, pemerintah Nguyen Phuc Chu (1691-1725) telah menghantar Huang Chen dan Xing Che sebagai utusan ke Guang Dong, China untuk meminta istana Qing memberi pengiktirafan rasmi kepada kerajaan Nguyen.

Orang Cina sering kali terlibat dalam konflik di antara pemerintah Nguyen di selatan Vietnam dengan pemerintah Trinh di utara Vietnam. Semasa pemerintahan Nguyen Phuc Chu (1691-1725), beliau merancang meluaskan kuasa tentera ke utara Vietnam, akan tetapi pasukan tentera Trinh telah berjaya mempertahankan wilayah Nghe An yang merupakan kawasan sempadan mereka di selatan. Untuk tujuan perluasan kuasa ke utara, maka pada tahun 1716, pemerintah Nguyen Phuc Chu menghantar dua orang pedagang Cina dari wilayah Fujian yang bernama Ping dan Gui ke Guangxi secara rahsia. Mereka memasuki Bac Ha melalui jalan Lang Son. Selepas mereka sampai di Dong Do, Ping dan Gui telah mengumpul maklumat tentang keadaan tentera dan penduduk utara Vietnam. Mereka tinggal di Guangxi selama dua bulan dan kembali ke Guangdong melalui jalan lama yang dirancangkan. Pada tahun 1717, mereka kembali ke Thuan Hoa dan menjelaskan kepada pemerintah Nguyen Phuc Chu bahawa kerajaan selatan Vietnam tidak akan mendapat sebarang faedah di Bac Ha dan rancangan perluasan kuasa ke utara Vietnam harus dibatalkan.<sup>10</sup> Hal ini menunjukkan kebijaksanan pemerintah Nguyen Phuc Chu dengan melantik dua orang pedagang Cina untuk menjalankan misi tersebut agar tidak menimbulkan syak wasangka kerajaan utara Vietnam. Ini adalah kerana kedua-dua orang Ping dan Gui masuk ke utara Vietnam dengan menggunakan identiti sebagai pedagang. Hal

---

<sup>10</sup> Ibid., hlm.170-171.

ini juga membuktikan bahawa orang Cina memainkan peranan penting dalam politik selatan Vietnam.

Selain itu, pemerintah Nguyen juga menggunakan orang Cina untuk mempercepatkan perluasan tanah jajahan mereka di Kemboja. Semasa pemerintahan Nguyen Phuc Tan, pasukan tentera Cina di bawah pimpinan Duong Ngan Dich dan Tran Thuong Xuyen telah berhijrah ke Mytho dan Bien Hoa yang merupakan kawasan Dong Pho (dulu dikenali sebagai Gia Dinh), Chan Lap untuk meneroka kawasan tersebut. Pasukan tentera Cina tersebut juga diarah berperang dengan tentera Kemboja. Misalnya, atas arahan daripada kerajaan Nguyen (Nguyen Phuc Tran, 1687-1691 dan Nguyen Phuc Chu, 1691-1725), Tran Thuong Xuyen<sup>11</sup> telah memimpin pasukan tentera Longmen untuk menyerang Kemboja pada tahun 1688 dan tahun 1699.<sup>12</sup>

Tran Thuong Xuyen merupakan seorang jeneral tentera yang berani dan bijak mengatur strategi peperangan. Beliau telah beberapa kali memimpin tentera membantu kerajaan Nguyen mengalahkan tentera Kemboja dan berjaya meluaskan tanah jajahan ke selatan Vietnam. Pada awal tahun 1690-an, Tran Thuong Xuyen dan Mai Van Long mengalahkan Nac Ong Thu dan berjaya menakluki tiga kubu Cau Nam, Nam Vang dan Go Bich.

Sementara pada tahun 1700 pula, Tran Thuong Xuyen bersama Nguyen Huu Canh menyerang Chan Lap (Kemboja) dan memperoleh kemenangan. Kemenangan tersebut telah

---

<sup>11</sup> Menurut Dai Nam Liet Truyen Chinh Bien So Tap, Vol. 3, Tran Thuong Xuyen merupakan Jeneral Longmen semasa dinasti Ming di China.

<sup>12</sup> Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992,hlm.171.

menyebabkan kawasan Bien Tran, Phien Tran, Dih Tuong, Long Ho dan An Giang dijadikan sebahagian daripada tanah jajahan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam. Pada tahun 1715 pula, Tran Thuong Xuyen dan Nguyen Huu Phu menumpaskan Nac Ong Tham dan berjaya menakluki La Bich.

Tran Thuong Xuyen meninggal dunia pada 23 Oktober 1720 dan dikebumikan di Tran Bien (kini My Loc di daerah Tan Uyen, wilayah Binh Duong). Untuk memperingati jasa Tran Thuong Xuyen, pemerintah Nguyen telah mengarahkan rakyatnya mendirikan tokong Tan Lan (Dinh Tan Lan) di Bien Hoa untuk menyembah Tran Thuong Xuyen. Patung Tran Thuong Xuyen diletak di dalam tokong ini dan disembah oleh rakyat tempatan. Malah pemerintah Nguyen mengisyiharkan bahawa “Nguyen sebagai Raja, Tran sebagai Menteri, pegawai cemerlang akan wujud turun-temurun” (*Nguyen vi Vuong, Tran vi Tuong, dai dai cong than bat tuyet*).<sup>13</sup> Pernyataan pemerintah Nguyen tersebut telah membuktikan bahawa jasa dan sumbangan Tran Thuong Xuyen terhadap Bien Hoa secara khasnya dan kepada selatan Vietnam secara amnya memang dihargai dan diingati.

### **Mac Cuu dan Perluasan Kuasa di Hatien**

Menjelang pertengahan abad ke-17, berlakunya banyak pemberontakan menentang kerajaan Qing di China. Di bawah pimpinan Chen Ch'eng Kung (Trinh Thanh Cong) berketurunan Trieu Chau yang merupakan bekas Jeneral dinasti Ming, rakyat China telah bangun menentang tentera kerajaan Qing tetapi gagal. Akibatnya setiap kampung halaman orang Trieu di Trieu Chau habis dimusnahkan oleh tentera kerajaan Qing. Hal ini telah menyebabkan angkatan tentera Cheng Ch'eng Kung terpaksa melarikan diri ke Taiwan dan

---

<sup>13</sup>Tokong Tan Lan (Dinh Tan Lan) di Bien Hoa, selatan Vietnam.

wujudkan gerakan "menggulingkan kerajaan Qing, memulihkan kerajaan Ming" (*Phan Thanh, Phuc Minh*).

Di kalangan tentera yang menentang kerajaan Qing ialah seorang pemuda bernama Mac Cuu yang berumur 17 tahun, berasal dari Quang Dong, China. Mac Cuu meninggalkan Guang Dong pada tahun 1671 dan sampai di persisiran pantai Cao Men, Kemboja untuk mendirikan kerjaya beliau sebagai pedagang dan mengumpul kekayaan di sana. Kemudian Mac Cuu telah berpindah ke Hatien yang merupakan tanah jajahan Kemboja. Pada tahun 1708 apabila Hatien diserang oleh Siam, Mac Cuu yang dilantik oleh orang Khmer sebagai gabenor Hatien telah meminta perlindungan dan bantuan tentera daripada pemerintah Nguyen Phuc Chu di selatan Vietnam untuk menentang serangan daripada Siam. Akhirnya mereka berjaya mengalahkan tentera Siam. Selepas itu, Mac Cuu dilantik oleh pemerintah Nguyen sebagai *Tong Binh* yang memerintah Hatien di bawah perlindungan pemerintah Nguyen Phuc Chu dan Hatien dijadikan sebagai sebahagian daripada tanah jajahan pemerintah Nguyen di selatan Vietnam.<sup>14</sup>

Mac Cuu meneroka dan memajukan kampung Hatien. Beliau menerima golongan pengembara atau orang yang dibuang negeri terutamanya dari wilayah Quang Nam, Quang Ngai serta semua orang Champa (*Cham*) untuk tinggal di Hatien. Mac Cuu mewajibkan penduduk baru ini meneroka hutan, menjalankan kegiatan pertanian, mendirikan rumah dan menjadikan pelabuhan Hatien sebagai tempat persinggahan kapal-kapal layar. Kesannya

---

<sup>14</sup> 河仙鎮叶镇鄭氏家譜 (Genealogi Keluarga Mac di Hatien), to1a-to4b (Ha Tien Tran Hiep Mac Thi Gia Pha, hlm. 1a-4b). 郑禳德, 嘉定城通志 (Sejarah Gia Dinh), 卷三, hlm.206. (Trinh Hoai Duc, *Gia Dinh Thanh Thong Chi*, Vol. 3, hlm.206).

banyak kapal layar telah berlabuh di pelabuhan Hatien. Pada waktu itu, Hatien dikenali sebagai "Quang Chau Kecil" (*Tieu Quang Chau*).<sup>15</sup>

Mac Cuu meninggal dunia pada tahun 1736 apabila Hatien telah menjadi sebuah kawasan yang makmur. Anak sulung Mac Cuu yang bernama Mac Thien Tich, juga dipanggil sebagai Mac Thien Tu telah meneruskan kerjaya bapanya. Beliau dilantik sebagai gabenor Hatien yang bertanggungjawab untuk mempertahankan sempadan. Di bawah kepimpinan Mac Thien Tich, Hatien menjadi sebuah kawasan yang mempunyai sistem pentadbiran yang bersistematik dan stabil. Malah wujudnya kampung-kampung baru di Hatien.<sup>16</sup> Ini menunjukkan bahawa Hatien telah berkembang pesat dan makmur. Tidak lama kemudian, Mac Thien Tich telah memperluas tanah jajahannya dari Kampot sehingga Ca Man. Beliau juga berjaya menarik perhatian ramai orang mencari rezeki di sana.<sup>17</sup>

Mac Thien Tich bukan sahaja dapat meneruskan kerjaya bapanya, tetapi berjaya menjadikan Hatien sebagai sebuah kawasan yang selesa untuk ditinggal. Malah Hatien telah muncul sebagai sebuah pusat kebudayaan dan ilmu pengetahuan. Segolongan sarjana Confucius yang berasal dari Fujian dan Quy Nhon telah datang ke Hatien. Mereka dan para sami telah menyahut seruan Mac Thien Tich untuk tinggal di Hatien.

---

<sup>15</sup> Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992,hlm.166 dan 171-172 dan Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.10.

<sup>16</sup> Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992,hlm.172 dan Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.10.

<sup>17</sup> Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.10.

Selain itu, Mac Thien Tich telah mendirikan sebuah institusi sarjana di Hatien untuk mengumpul para sarjana yang handal. Terdapat seramai 18 orang sarjana yang dikenali sebagai *Thap Bat Anh*. Mac Thien Tich juga telah menubuhkan jawatankuasa pentadbiran bandar untuk membuat dasar-dasar Hatien dalam bidang politik, ketenteraan dan ekonomi pada waktu itu.

Kerjaya Mac Thien Tich semakin hari semakin kukuh dan berkembang pesat menjelang awal tahun 1771. Akan tetapi terdapat seorang pegawai yang bernama Pham Lam telah bangun memberontak. Pham Lam telah menubuhkan parti yang mempunyai 800 orang ahli dan 15 buah perahu memasuki Hatien tetapi dikalahkan oleh Mac Thien Tich.<sup>18</sup> Maka, Hatien menjadi aman damai semula.

Sumbangan orang Cina dalam usaha membantu perluasan kuasa politik kerajaan Nguyen turut dihargai oleh para pemerintah Nguyen di selatan Vietnam. Berdasarkan penulisan sejarah masyhur yang ditulis oleh keturunan Nguyen iaitu *Dai Nam Liet Truyen Tien Bien*, terdapat bab-bab yang berkaitan dengan sumbangan Jeneral Tran Thuong Xuyen, Mac Cuu dan Mac Thien Tich.

Gelaran *Phu Quoc Do Doc* telah diberikan kepada Jeneral Tran Thuong Xuyen atas sumbangan beliau dalam usaha meneroka dan membangunkan kawasan Nong Nai. Tambahan pula, selepas kematian Tran Thuong Xuyen, pemerintah Nguyen telah mengarah mendirikan tokong Tan Lan (dinh Tan Lan) di Bien Hoa untuk mengingati sumbangan beliau kepada kawasan Gia Dinh, selatan Vietnam. Malah dalam buku sajak *Can Trai Thi*

---

<sup>18</sup> Ibid.

*Tap* yang dikarang pada tahun 1819, terdapat sebuah sajak yang berjudul “*A Temple of General Tran*” yang ditujukan khas kepada Jeneral Tran Thuong Xuyen. Salah satu baris sajak tersebut berbunyi “*The passers-by also have a tear for the hero, for which they pour a glass of wine in front of the temple*”.<sup>19</sup> Ini menunjukkan bahawa peringatan rakyat terhadap Tran Thuong Xuyen adalah selama-lamanya. Daripada hal ini, didapati bahawa bukan sahaja pemerintah Nguyen menghargai jasa dan sumbangan Tran Thuong Xuyen, malah rakyat turut menghargai sumbangan beliau yang membawa kemajuan kepada kawasan Dong Nai (Bien Hoa).

Sementara untuk memperingati sumbangan dan jasa keluarga Mac iaitu Mac Cuu dan Mac Thien Tich terhadap kemajuan Hatian, pemerintah Nguyen juga telah mengarah mendirikan tokong keluarga Mac di Hatien. Sehingga kini, tokong ini masih dikunjungi oleh orang tempatan dan pelawat asing.

### **Masyarakat Cina dan Pemberontakan Tay Son**

Pada tahun 1771, apabila berlakunya pemberontakan Tay Son, orang Cina turut terlibat dalam pemberontakan tersebut di selatan Vietnam. Pemberontakan ini berlaku adalah disebabkan oleh kesusahan hidup yang dihadapi oleh penduduk selatan Vietnam akibat daripada sistem pemerintahan tentera yang diperkenalkan oleh pemerintah Nguyen serta pengutipan cukai yang terlalu tinggi pada zaman pemerintahan Nguyen.

Sebelum tercetusnya pemberontakan Tay Son, hal pelaksanaan sistem pemerintahan oleh pemerintah Nguyen telah dijelaskan oleh Da Shan dalam *Hai Wai Ji Shi*. Pada abad

---

<sup>19</sup> Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992,hlm.171.

ke-17, untuk menentang serangan daripada kerajaan Trinh di utara Vietnam, maka pemerintah Nguyen telah memperkenalkan sistem pemerintahan ketenteraan dalam sistem pentadbiran di Thuan Hoa. Akibatnya, para tentera terlibat dalam pelbagai bidang. Hal ini dapat dibuktikan oleh Da Shan yang berada di Thuan Hoa. Menurut Da Shan, selain golongan bangsawan, sami buddha, golongan tua, golongan wanita dan kanak-kanak imigran Cina, beliau dapat melihat golongan tentera wujud di merata-rata tempat di Thuan Hoa. Selain kegiatan pertanian, tugas-tugas tukang yang lain semuanya dilakukan oleh para tentera.<sup>20</sup> Hal ini dapat dibuktikan melalui catatan Da Shan dalam buku beliau yang berjudul *Hai Wai Ji Shi* seperti berikut :

*Adalah diketahui bahawa pelbagai bidang pekerjaan dilakukan oleh tentera. Pada setiap Februari dan March, pegawai tentera pergi ke kampung-kampung untuk merekrut ahli baru. Golongan lelaki yang berumur 16 tahun ke atas dan berbadan sihat dipaksa menjadi tentera. Mereka diikat pada bamboo dan dihantar untuk menjalani latihan tentera. Mereka belajar sesuatu kemahiran. Selepas itu, mereka dihantar ke kapal perang untuk menjalani latihan. Jika berlaku perang, mereka menjadi tentera. Jika tiada perang, mereka berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan. Sekiranya mereka belum cukup berumur 60 tahun, mereka tidak dibenarkan balik ke kampung halaman untuk hidup bersama dengan ahli keluarga. Ahli keluarga mereka hanya dibenarkan melawat mereka dan membawa pakaian untuk mereka. Oleh yang demikian, yang baki tinggal di kampung adalah mereka yang tua atau cacat anggota.*<sup>21</sup> (Dipetik daripada *Hai Wai Ji Shi*, Vol.1)

---

<sup>20</sup> 大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷一, 北京: 中华书局, 2000, hlm.6 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.1, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.6.)

<sup>21</sup> 大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷一, 北京: 中华书局, 2000, hlm.6 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.1, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.6.) dan Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong)*, 1602-1777, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.56.

Sistem ketenteraan sebegini bagai sistem perhambaan seumur hidup. Hal ini telah menggambarkan bahawa pemerintah Nguyen Phuc Chu begitu memandang berat terhadap sistem ketenteraan yang dilaksanakan. Strategi ini sangat diperlukan oleh pemerintah Nguyen Phuc Chu untuk menghadapi penentangan dari kerajaan Trinh di utara Vietnam dan untuk mencapai matlamat perluasan kuasa beliau di selatan Vietnam iaitu untuk menakluki Champa.<sup>22</sup> Kesemua ini memerlukan kekuatan tentera untuk mencapai matlamat pemerintah Nguyen Phuc Chu. Maka boleh dikatakan bahawa pada abad ke-17, Thuan Hoa bagai sebuah berek yang besar.

Di bawah sistem ketenteraan yang dijalankan oleh pemerintah Nguyen Phuc Chu di Thuan Hoa, selatan Vietnam, jelas bahawa rakyat selatan Vietnam telah ditindas oleh pemerintah dan mereka terpaksa memikul beban ekonomi yang teruk. Ini adalah kerana kaum lelaki yang kuat telah direkrut untuk menjadi tentera sehingga tiada orang mengerjakan sawah yang terbiar. Keadaan ini telah digambarkan oleh Da Shan seperti berikut :

*Kehidupan rakyat di sini adalah susah. Tanah yang sedia ada adalah terhad. Beras yang dihasilkan tidak cukup untuk menampung penduduk tempatan. Thuan Hoa dan Hoian perlu bergantung kepada daerah lain untuk mendapatkan beras. Penduduk tempatan memanggil nasi sebagai com<sup>23</sup> kerana mereka tidak pernah mendapat nasi yang cukup. Kadang-kala ikan, udang dan sayur-sayuran dimakan sebagai nasi kerana nasi yang terhad.<sup>24</sup>*

---

<sup>22</sup>大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷一, 北京: 中华书局, 2000, hlm.7 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.1, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.7.)

<sup>23</sup> Da Shan mengatakan bahawa perkataan *com* (nasi) berasal daripada perkataan Cina yang bermaksud sedap. Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong)*, 1602-1777, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.58.

<sup>24</sup>大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷三, 北京: 中华书局, 2000, hlm.7 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.3, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.7.) dan Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong)*, 1602-1777, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.58.

Kehidupan penduduk selatan Vietnam bertambah susah di mana mereka perlu membayar cukai kepada kerajaan Nguyen Phuc Chu. Menurut Da Shan,

*Tanah yang terhad itu dikelilingi oleh gunung dan laut. Seandainya terdapat tanah rata, maka ia menjadi tempat kediaman. Jumlah penduduk yang sedia ada menentukan bilangan kampung yang akan wujud. Setiap kampung mempunyai seorang ketua kampung. Jika petani mempunyai tanah, mereka menanam padi. Sebanyak 70% hingga 80% hasil padi wajib dihantar kepada kerajaan sebagai cukai. Yang bakinya iaitu 20% hingga 30% untuk kegunaan sendiri. Sementara hasil tangkapan ikan dan kutipan kayu harus diserahkan kepada ketua kampung dan penduduk hanya menerima sebahagian kecil sahaja. Tambahan pula, rakyat perlu membayar cukai individu. Segala bamboo, kayu, garam, beras dan sutera wajib diserahkan kepada kerajaan sebagai ufti.<sup>25</sup>*

Bayaran cukai yang terlalu tinggi serta sistem kerahan tenaga yang membebankan kehidupan rakyat telah menimbulkan kemarahan dan rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sistem ini hanya menguntungkan kerajaan Nguyen Phuc Chu. Akan tetapi, sistem inilah sebenarnya merupakan faktor utama yang menyebabkan kemunduran kehidupan rakyat selatan Vietnam pada zaman sistem feudal.

Dinasti Nguyen di selatan Vietnam mula merosot pada penghujung pemerintahan Nguyen Phuc Thuan (1765-1777). Pada zaman pemerintahan Nguyen Phuc Thuan, pegawai istana yang bernama Zhang Wen Xing ( 張文行 ) telah dijatuhkan hukuman mati kerana berani mendedahkan keburukan pegawai istana yang lain. Tindakan pemerintah Nguyen Phuc Thuan telah menimbulkan kemarahan anak Zhang Wen Xing yang bernama Zhang

---

<sup>25</sup>大汕, 余思黎点校, 海外纪事 (Rekod Sejarah Seberang Laut), 卷三, 北京: 中华书局, 2000, hlm.7 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut), Vol.3, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.7.) dan Li Tana and Anthony Reid (eds), *Southern Vietnam under the Nguyen : Document on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong)*, 1602-1777, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1995, hlm.58.

Xian ( 張宪 ). Malah tindakan pemerintah Nguyen Phuc Thuan telah membuka laluan kepada kebangkitan pemberontakan Tay Son pada tahun 1771.

Zhang Xian bertekad untuk membalas dendam untuk bapanya. Akhirnya Zhang Xian berjaya menemui seorang pemuda yang gagah berani serta bijak di Tay Son<sup>26</sup> yang bernama Nguyen Hue ( 阮惠 ). Pada waktu itu, Nguyen Hue berumur 15 Tahun. Zhang Xian menasihati Nguyen Hue rajin belajar strategi peperangan agar dapat digunakan pada suatu hari. Nguyen Hue telah belajar kemahiran tersebut daripada Zhang Xian selama tiga tahun. Semasa Nguyen Hue berumur 18 tahun, Zhang Xian memberitahu Nguyen Hue :“ *Xi Qi Yi, Bei Cheng Gong*” ( 西起义，北成功 ) yang bermaksud kebangkitan pemberontakan Tay Son membawa kejayaan kepada utara Vietnam.<sup>27</sup>

Akibat daripada penindasan dan kesusahan kehidupan rakyat, maka pemberontakan Tay Son yang disokong oleh para petani pada tahun 1771 sehingga akhirnya berjaya menggulingkan kerajaan Trinh di utara Vietnam dan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam.

Pada tahun 1771, tiga orang adik beradik Tay Son yang bernama Nguyen Nhac (1752-1793), Nguyen Hue (1752-1792) dan Nguyen Lu (1752-1792) telah bangkit memberontak terhadap kerajaan Nguyen Phuc Thuan di bawah pimpinan Nguyen Hue dan kerajaan Trinh di utara Vietnam.<sup>28</sup> Menurut Nguyen Hue, matlamat mereka ialah

---

<sup>26</sup> Tay Son terletak di wilayah Binh Dinh, kawasan selatan Vietnam Tengah. 李文雄, 西山与嘉隆 (Tay Son dan Gia Long), 西贡: 拿沱书局, 1968, hlm. 3. (Ly Van Hung (ed.), Tay Son voi Gia Long, Saigon, 1968, hlm.3).

<sup>27</sup> 李文雄, 西山与嘉隆 (Tay Son dan Gia Long), 西贡: 拿沱书局, 1968, hlm. 2-3. (Ly Van Hung (ed.), Tay Son voi Gia Long, Saigon, 1968, hlm.3).

<sup>28</sup> Ibid.

menamatkan penindasan terhadap rakyat, menyatukan utara Vietnam dan selatan Vietnam serta memulihkan kuasa Maharaja Le di Hanoi, Vietnam.

Pada akhir pemerintahan Nguyen, orang Cina di Thuan Hoa dan Quang Nam berpecah kepada dua kumpulan apabila berlakunya perang dalam di antara tentera Tay Son dengan kerajaan Nguyen pada tahun 1771. Semasa tercetusnya pemberontakan Tay Son pada tahun 1773, Li Aji dan orang Cina yang lain telah menubuhkan pasukan tentera untuk membantu Tay Son. Pasukan tentera mereka cukup kuat sehingga pasukan tentera Nguyen tidak dapat melawan mereka. Sementara Li Wenguang, seorang pedagang dari wilayah Fujian telah berjaya menguasai kawasan Tran Bien. Manakala Ran dan Chen Tai yang berasal dari wilayah Chao Zhou cuba menyerang Hatien pada tahun 1767 dan 1769, tetapi kesemua aktiviti ini telah ditumpaskan oleh tentera Nguyen. Akibatnya para pemberontak telah dihantar balik ke China untuk dihukum.<sup>29</sup>

Apabila berlakunya perebutan kuasa di antara Tay Son dengan Nguyen Phuc Anh pada tahun 1771, orang Cina di selatan Vietnam menjadi rebutan di antara kedua-kedua pihak kerana menyedari kepentingan orang Cina sebagai sumber tenaga dan sumber kewangan bagi mereka. Menurut Li Tana,

*Under such favourable condition, the Chinese played an intricate role in the Tay Son period, with both the prince Nguyen Phuc Anh and his enemy the rebel Tay Son brothers turning to the Chinese as a source of manpower and economic strength.<sup>30</sup>*

---

<sup>29</sup> Yang Baoyun, *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional (1600-1775)*, Geneve : Editions Olizane, 1992,hlm.172-173.

<sup>30</sup> Li Tana, “An Alternative Vietnam ? The Nguyen Kingdom in the Seventeenth and Eighteenth Centuries”, *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol.29, No.1, March, 1998, hlm.120.

Dalam perebutan kuasa tersebut, Tay Son mendapat bantuan daripada dua orang pedagang Cina yang bernama Li Jiting dan Li Caijian. Mereka telah mengupah para pekerja Cina untuk membantu beliau menentang Nguyen Phuc Anh.<sup>31</sup> Li Jiting telah menubuhkan Pasukan Tentera Taat Setia, sementara Li Caijian pula menubuhkan Pasukan Tentera Pendamai untuk membantu Tay Son.<sup>32</sup> Oleh yang demikian, dapat dibuktikan bahawa orang Cina telah memainkan peranan yang amat penting dalam menyumbang tenaga tentera kepada Tay Son ataupun kerajaan Nguyen di selatan Vietnam.

Pada tahun 1773, tentera Tay Son berjaya menakluki Qui Nhon. Sementara Dong Nai Dai Pho yang merupakan pusat perdagangan Cina yang utama di delta Mekong jatuh ke tangan tentera Tay Son pada tahun 1778 dan Nguyen Nhac mengisytiharkan dirinya sebagai maharaja pada tahun yang sama. Akibatnya orang Cina di Dong Nai Dai Pho melarikan diri ke Cholon untuk mengelakkan pergolakan politik di sana. Maka tamatnya pemerintahan kerajaan Nguyen yang telah memerintah selatan Vietnam selama 219 tahun iaitu dari tahun 1558 sehingga tahun 1777.

Namun pada tahun 1782, apabila tentera Tay Son menakluki Cholon iaitu lima kilometer dari Saigon, tentera Tay Son telah membunuh lebih daripada 10,000 orang Cina di kawasan Cholon sebagai tindakan membala dendam terhadap dua orang panglima tentera Cina iaitu Li Jiting dan Li Caijian dalam pasukan tentera Tay Son berpaling tada menyokong Nguyen Phuc Anh.<sup>33</sup> Nguyen Hue menaiki takhta pada tahun 1788 dengan gelaran maharaja Quang Trung. Selepas kemangkatan maharaja Quang Trung pada tahun

<sup>31</sup> Luong Nhi Ky, “The Chinese in Vietnam : A Study of Vietnamese-Chinese Relations with Special Attention to the Period 1862-1961”, PhD Thesis, University of Michigan, 1962, hlm.27.

<sup>32</sup> Ku Boon Dar, “Hubungan China-Vietnam, 1802-1885”, Tesis Sarjana, Universiti Malaya : Jabatan Sejarah, 2005, hlm.151.

<sup>33</sup> Ibid., hlm.158-159.

1792, anaknya yang bernama Nguyen Quang Toan menaiki takhta pada tahun 1792 sehingga 1802.

Apabila Nguyen Phuc Anh melarikan diri daripada serangan tentera Tay Son, beliau telah mendapat bantuan daripada He Shanwen yang berasal dari Szechuan, China yang telah berhijrah ke selatan Vietnam pada abad ke-18. Sebelum Nguyen Phuc Anh mendapat bantuan daripada He Shanwen, beliau telah berjanji akan memberi habuan perang kepada He Shanwen jika mereka menang dalam perang saudara. Kemudian, dengan bantuan daripada kerajaan Siam, Nguyen Phuc Anh dan He Shanwen berjaya merampas balik Dong Nai, Tan Chau dan Phu Xuan daripada Tay Son.<sup>34</sup>

Pemerintahan adik beradik Tay Son di Vietnam tamat apabila Nguyen Phuc Anh (阮福映)<sup>35</sup> (juga dikenali sebagai Nguyen Anh) berjaya merampas balik Thang Long (Hanoi) pada tahun 1802, beliau memerintah Vietnam dengan gelaran maharaja Gia Long (嘉隆).<sup>36</sup> Pada tahun yang sama, maharaja Gia Long menyatukan utara Vietnam dan selatan Vietnam menjadi Vietnam.

## Rumusan

Kebijaksanaan pemerintah Nguyen melantik orang Cina yang berpengalaman untuk memegang jawatan tertentu telah memperkuuhkan sistem pentadbiran kerajaan Nguyen.

<sup>34</sup> 戴可来, 于向东, 海南杂著中所记越南华侨华人: 华侨华人历史研究 (Orang Cina di Vietnam : Kajian Sejarah Orang Cina Seberang Laut), 1997, hlm. 47 (Dai Kelai dan Yu Xiangdong, *Hai Nan Za Zhu Zhong Suo Ji Yue Nan Hua Qiao Hua Ren* (Vietnamese Chinese in Hainan Zazhu : Overseas Chinese History Studies, No.1, Beijing, 1997, hlm.47).

<sup>35</sup> Nguyen Phuc Anh dilahirkan pada 8 Februari 1762 dan meninggal dunia pada 3 Februari 1820. Beliau merupakan maharaja pertama bagi dinasti Nguyen di Vietnam.

<sup>36</sup> Nama maharaja Gia Long 嘉隆 merupakan gabungan nama daripada dua nama kawasan iaitu Gia (di selatan Vietnam) dan Thang Long (di utara Vietnam).

Selain itu, orang Cina juga telah banyak membantu para pemerintah Nguyen untuk meluaskan kuasa mereka ke selatan Vietnam sehingga kerajaan selatan Vietnam menjadi sebuah kerajaan yang kuat.

Akan tetapi, apabila tercetusnya pemberontakan Tay Son, orang Cina yang menjadi rebutan di antara pihak Tay Son dan kerajaan Nguyen akhirnya telah membawa kepada pembunuhan lebih daripada 10,000 orang Cina di Cholon pada tahun 1782 oleh tentera Tay Son apabila dua orang panglima tentera Cina berpaling tadah kepada kerajaan Nguyen.